

PERKEMBANGAN PEMAHAMAN BAHASA: PROFIL KANAK-KANAK INDIA DI MALAYSIA

Stephanie De Souza

Penyelia: Antoinette Sandra Vandort

Kajian ini adalah kajian awal yang bertujuan untuk membentuk profil perkembangan pemahaman bahasa kanak-kanak India di Malaysia yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan mereka. Alat ujian *Reynell Developmental Language Scale-Adapted* yang merupakan versi adaptasi *Reynell Developmental Language Scale-II* telah digunakan. Alat ujian ini diadaptasi sekali lagi supaya menjadi alat penilaian bahasa yang sesuai dari segi budaya dan linguistik untuk kegunaan tempatan. Ujian ini dijalankan ke atas 43 orang kanak-kanak India normal yang berasal dari kawasan Lembah Klang yang berumur di antara 1½ tahun sehingga 6 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua 43 kanak-kanak mempunyai perkembangan pemahaman bahasa yang berada dalam lingkungan normal apabila dibandingkan dengan keputusan sampel kanak-kanak daripada kumpulan umur yang setara dari United Kingdom (U.K.). Kanak-kanak tempatan juga didapati mempunyai corak perkembangan pemahaman bahasa yang serupa dengan kanak-kanak U.K. Urutan kemunculan aspek-aspek pemahaman bahasa yang serupa ditemui, tetapi, terdapat perbezaan urutan penguasaan aspek-aspek pemahaman bahasa tertentu. Pencapaian kanak-kanak perempuan didapati lebih tinggi daripada kanak-kanak lelaki tetapi perbezaan signifikan tidak wujud (0.834, $p < 0.01$). Korelasi antara ujian pertama dan ujian semula menunjukkan hubungan yang kuat ($\rho = 0.909$, $p < 0.01$) dan kebolehpercayaan dalaman ujian yang tinggi ($\alpha = 0.93$), mencadangkan alat ujian ini sesuai untuk populasi tempatan. Korelasi adalah tinggi ($\rho = 0.904$, $p < 0.01$) dan tiada perbezaan signifikan wujud bagi kecenderungan memusat markah di antara dua pemarkah (0.452, $p < 0.01$). Ujian didapati mempunyai ciri-ciri kesahan kerana mempunyai hubungan korelasi yang kuat dan positif di antara keputusan ujian dan umur ($\rho = 0.960$, $p < 0.01$). Faktor yang mempengaruhi hasil kajian adalah persekitaran bahasa kanak-kanak, variasi budaya dan linguistik yang berbeza dalam penggunaan Bahasa Inggeris di Malaysia serta ketidakbiasaan kanak-kanak dengan prosedur pengujian. Kajian lanjutan diperlukan untuk memperkukuhkan dapatan kajian ini dan untuk membentuk norma perkembangan bahasa tempatan.

Kata kunci: receptive language, Malaysian Indian children

LANGUAGE COMPREHENSION DEVELOPMENT: A PROFILE OF MALAYSIAN INDIAN CHILDREN

This study is to determine the development the language comprehension of Malaysian Indian children who use English as their first language. The comprehension subtest of the adapted version, culturally and linguistically appropriate for the local population of Reynell Developmental Language Scale-Adapted was used in this study. The test was administered on 43 normal Indian children, aged between 1-6 years from the Klang Valley. Findings showed that development of language comprehension according to age and profile of comprehension growth, were similar to an age equivalent sample of children from United Kingdom. A similar sequence of emergence of aspects of language comprehension was also noted but there were difference in the order of mastery of these aspects. Performance of girls was generally higher than boys but no significant differences (0.834, $p < 0.01$). Test retest correlation ($\rho = 0.909$, $p < 0.01$) was strong and internal reliability scores ($\alpha = 0.93$) were high. There was strong correlation ($\rho = 0.904$, $p < 0.01$) but no significant differences between central tendencies of inter-scorer scores (0.452, $p < 0.01$). Test was found to have content validity, as there was strong positive correlation between test scores and age ($\rho = 0.960$, $p < 0.01$). Various factors, which influence the test results were noted. Further research is greatly needed to further validate findings of this study and to develop local language developmental norms.

Keywords: language comprehension, Malaysian Indian children

De Souza, S. 2004. Language Comprehension Development: A Profile of Malaysian Indian Children. Bachelor of Speech Science Thesis. National University of Malaysia.